

1981

KUALA LUMPUR, 2 MAC (BERNAMA)— KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBENARKAN LAGI SYARIKAT-SYARIKAT FILEM MENJALANKAN AKTIVITI-AKTIVITI MENGEDAR DAN MENAYANG FILEM SEKALI GUS SEPERTI YANG DILAKUKAN SEKARANG PADA MASA DEPAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED MENGUMUMKAN DI SINI HARI INI.

PEMANGKU PERDANA MENTERI MENJELASKAN LARANGAN ITU ADALAH UNTUK MENENTUKAN PERSAINGAN YANG LEBIH SAKSAMA DALAM BIDANG INDUSTRI PERFILEMAN TEMPATAN.

MENURUT BELIAU SYARIKAT FILEM YANG SEKALI GUS JUGA MENJALANKAN AKTIVITI-AKTIVITI MENGEDAR DAN MENAYANG FILEM SUDAH TENTU MEMPUNYAI KEUDUKAN YANG LEBIH STABIL DARI SYARIKAT-SYARIKAT YANG HANYA MENGELUAR FILEM.

KATANYA, AKTA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL YANG TELAH DILULUSKAN DISEMBER LALU, AKAN HANYA MEMBENARKAN SYARIKAT-SYARIKAT FILEM MENJALANKAN SALAH SATU DARI AKTIVITI-AKTIVITI.

.PENGELUARAN DAN PENGEDARAN FILEM.  
.PENGEDARAN DAN PENAYANGAN FILEM.  
.PENGELUARAN DAN PENAYANGAN FILEM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEMASA MERASMIKAN SEMINAR DAN PAMERAN PERFILEMAN SELAMA TIGA HARI YANG DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 200 ORANG PESERTA TERMASUK PARA PELAKUN TERKENAL DI SELURUH TANAH AIR.

MENGENAI PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL YANG AKAN DITUBUHKAN TIDAK LAMA LAGI, BELIAU MENEGASKAN IA BUKAN DIWUJUDKAN UNTUK SATU-SATU GOLONGAN TERTENTU SAHAJA TETAPI ADALAH UNTUK KEPENTINGAN SEMUA IHAK YANG TERLIBAT DALAM BIDANG PERFILEMAN.—BERSAMBUNG 1503/AM

MAHATHIR-FILEM 2 KUALA LUMPUR

72

DATUK DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TIDAK DAPAT MENERIMA PANDANGAN YANG MENGEHEHENDAKI PERBADANAN ITU MENJADI SEBUAH BADAN YANG MEMPUNYAI KUASA YANG AMAT LUAS.

KERAJAAN TIDAK MAHU IA MENJADI SATU GERGASI YANG AKHIRNYA AKAN MENELAN MEREKA YANG SEPATUTNYA DIBERI BIMBANGAN DAN BANTUAN TEGASNY.

BAGAIMANAPUN, KATANYA JIKA PADA SATU KETIKA NANTI PERUNTUKAN-PERUNTUKAN YANG ADA TIDAK LAGI DAPAT MENGEMBANGKAN INDUSTRI PERFILEMAN TEMPATAN, PPINDAAN-PINDAAN YANG PERLU BOLEH DIBUAT.

KATANYA PERBADANAN ITU DITUBUHKAN ATAS KESEDARAN BAHAWA INDUSTRI PERFILEMAN TEMPATAN SEKARANG INI ADALAH DALAM SERBA KEKURANGAN DARI SEGI KEMAMPUAN KEWANGAN, PERALATAN DAN KEMAHIRAN.

—BERSAMBUNG 1515/AM

MAHATHIR-FILEM 3 KUALA LUMPUR

BELIAU YAKIN DENGAN WUJUDNYA PERBADANAN FILEM-FILEM KELUARAN TEMPATAN DAPAT MENCAPAI HASIL PENGELUARAN DAN MUTU YANG BOLEH DIBANGGAKAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU DALAM FESTIVAL FILEM MALAYSIA KEDUA YANG AKAN DIADAKAN BULAN DEPAN, HANYA 14 BUAH FILEM YANG DIKELUARKAN OLEH 10 BUAH SYARIKAT YANG DAPAT DIPERTANDINGKAN SEDANGKAN ADA 20 BUAH HADIAH YANG PERLU DIMENANGI.

BELIAU BERHARAP DENGAN TERTUBUHNYA PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA BANYAK LAGI FILEM-FILEM AKAN DAPAT DIKELUARKAN DAN DIPERTANDINGKAN DALAM FESTIVAL-FESTIVAL FILEM PADA TAHUN-TAHUN AKAN DATANG.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU BUAT PERTAMA KALINYA KERAJAAN AKAN MEMBERIKAN HADIAH-HADIAH WANG TUNAI KEPADA BEBERAPA PEMENANG DALAM BIDANG-BIDANG TERTENTU IAITU FILEM TERBAIK, PENGARAH TERBAIK, AKTOR TERBAIK, AKTRIS TERBAIK DAN SKRIP TERBAIK. — BERSAMBUNG 1520/IB

D552:

MAHATHIR-FILEM 4 KUALA LUMPUR

PEMANGKU PERDANA MENTERI BERHARAP HADIAH WANG TUNAI DARI KERAJAAN ITU AKAN DAPAT MENGGALAKKAN SYARIKAT-SYARIKAT FILEM TEMPATAN BERSAING HEBAT UNTUK MENGELUARKAN FILEM YANG BERMUTU.

BELIAU MENEKANKAN PENTINGNYA PARA PENGELUAR MENGHASILKAN FILEM-FILEM BERMUTU MEMANDANGKAN PARA PENONTON SEKARANG ADALAH LEBIH KRITIS KALAU DIBANDINGKAN DENGAN PENONTON PADA MASALAMPAU OLEH KERANA MEREKA BANYAK PELUANG MENONTON FILEM-FILEM YANG BERMUTU TINGGI DAN DIIMPORT DARI LUAR NEGERI.

+PENONTON-PENONTON AKAN MEMBUAT KRITIK-KRITIK TERHADAP FILEM YANG MEREKA TONTON DAN JIKA PARA PENONTON MEMANDANG RENDAH TERHADAP SESEBUAH FILEM MEREKA TIDAK AKAN BERMINAT UNTUK MENYOKONG ATAU MENONTON FILEM YANG AKAN DIKELUARKAN OLEH SYARIKAT YANG SAMA.+

BELIAU JUGA MENIMBULKAN TENTANG KEGHAIRAHAN DI KALANGAN BERBAGAI PIHAK SEJAK TAHUN TUJUHPULUHAN UNTUK MENUBUHKAN SYARIKAT MENGELUAR FILEM JIKA DIBANDINGKAN DENGAN TAHUN-TAHUN 60AN DAN SEBELUMNYA YANG HANYA TERDAPAT DUA ATAU TIGA BUAH SYARIKAT PENGELUAR FILEM SAHAJA YANG MENGELUARKAN FILEM-FILEM TEMPATAN. — BERSAMBUNG 1530/IB

B553:

**MAHATHIR -FILEM 5 KUALA LUMPUR**

KATANYA, SOALNYA SEKARANG ADA SYARIKAT-SYARIKAT FILEM YANG MUNCUL INI DITUBUHKAN SETELAH BENAR-BENAR MEMBUAT PERKIRAAN TENTANG KEUPAYAAN MEREKA UNTUK MENGELUARKAN FILEM YANG BERMUTU YANG KEMUDIAN-NYA AKAN DAPAT SAMBUTAN DARI PARA PENONTON.

+ATAU ADAKAH SYARIKAT-SYARIKAT INI MUNCUL KERANA DIDORONG OLEH KEINGINAN TURUT SERTA SEMATA-MATA MEMANDANGKAN ADA FILEM TEMPATAN YANG TELAH MENDAPAT SAMBUAT BAIK DARI PARA PENONTON,+ TAMBAH BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYEBUT TENTANG ADANYA SUARIKAT-SYARIKAT YANG MEMBUAT PUBLISITI APABILA MEREKA BERCADANG MENGELUARKAN FILEM, TETAPI SETELAH ITU HASILNYA TIDAK DILIHAT OLEH ORANG RAMAI.

BELIAU LALU MENGGESA MASYARAKAT PERFILEMAN MENGAMBIL TINDAKAN SENDIRI UNTUK MENINGKATKAN TARAF PROFESSIONALISMA MEREKA DAN TIDAK SEMATA-MATA BERGANTUNG KEPADA BANTUAN KEBENDAAN DAN PERUNDANGAN DARI KERAJAAN.

KATANYA, PERJUAN-PERSATUAN SEPERTI PAITA DAN SENIMAN HENDAKLAH MEMBERI PERHATIAN BERAT TERHADAP PENGGUBALAN ETHIKA-ETHIKA YANG DAPAT MEWUJUDKAN DISIPLIN DAN KERJASAMA DI KALANGAN MEREKA YANG

TERLIBAT DALAM BIDANG INDUSTRI PERFILEMAN SUPAYA NAMA BAIK INDUSTRI DAPAT DIPELIHARA.

DISAMPING ITU KAJIAN JUGA PERLU DIBUAT SECARA TERPERINCI UNTUK MENGUKUR KEADAAN SEBENAR INDUSTRI PERFILEMAN TEMPATAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA INI MEMANDANGKAN PADA MASA SEKARANG PERHATIAN RAMAI ADALAH TERTUMPU KEPADA PERKEMBANGAN DAN MASALAH YANG DIHADAPI OLEH SYARIKAT-SYARIKAT YANG MENGELUARKAN FILEM-FILEM MEREKA SAHAJA. — BERSAMBUNG 1538/1B

**MAHATHIR-FILEM 6 KUALA LUMPUR**

SEMINAR ANJURAN JAWATANKUASA KEMAJUAN FILEM NASIONAL ITU DI ANATARA LAIN BERTUJUAN MENKAJI KEDUDUKAN DAN JUGA MUTU FILEM TEMPATAN MASA KINI DAN Mencari JALAN BAGI KEDUDUKAN FILEM TEMPATAN DAPAT DIPERTINGKATKAN LAGI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN MELAWAT PAMERAN +MENEROKA SEJARAH MELAYU YANG MEMPAMERKAN SEGALA ASPEK PERKEMBANGAN FILEM MELAYU TERMASUK ALAT-ALAT PEMBIKINAN FILEM.

PAMERAN ITU AKAN DIPINDAHKAN KE MUZIUM SENI, JALAN AMPANG SELEPAS SEMINAR ITU UNTUK MEMBOLEHKAN ORANG RAMAI MENYAKSIKANNYA. — BERNAMA 1542/1B

73